

1. Berikut merupakan ciri-ciri sistem fail manual, **kecuali** _____?

- A ☐ Capaian ke atas data mengambil masa yang singkat.
- B ☐ Data disimpan dalam fail kertas dan dilabel
- C ☐ Fail kertas disimpan dalam fail cabinet
- D ☐ Rekod sukar diubah

2. Pernyataan berikut merujuk kepada suatu komponen dalam sistem pangkalan data.

Bersifat unik dan satu kumpulan objek yang sama jenis

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah komponen yang dimaksudkan?

- A ☐ Entiti
- B ☐ Jadual
- C ☐ Atribut
- D ☐ Kekunci primer

3. Perhubungan antara entiti-entiti dalam suatu pangkalan data dikenali sebagai

- A ☐ one to one (1 : 1)
- B ☐ one to many (1 : M)
- C ☐ Kekardinalan
- D ☐ many to many (M : M)

4. Ayuni ingin memasukkan data bagi atribut No_KP dengan meletakkan tanda sengkang. Apakah jenis data yang patut dipilih oleh Ayuni?

- A ☐ Auto Number
- B ☐ Short Text
- C ☐ Number
- D ☐ Date-Time

5. Berikut merupakan arahan SQL

```
SELECT Nama_Pesakit, Jenis_ubat,
Doktor, Katil
FROM Pesakit
```

Berdasarkan arahan tersebut, capaian data akan melibatkan jadual _____

- A ☐ Pesakit
- B ☐ Nama_Pesakit
- C ☐ SELECT
- D ☐ Jenis_Ubat

6. Apakah output bagi ungkapan round (4.526)?

- A ☐ 5
- B ☐ 4.5
- C ☐ 4
- D ☐ 5.5

7. Kata simpanan manakah yang digunakan untuk mentakrifkan function?

- A ☐ define
- B ☐ Define
- C ☐ Def
- D ☐ def

8. Apakah kepentingan function dan procedure dalam penghasilan atur cara?

- A ☐ Menjaga integriti data
- B ☐ Mengurangkan ralat ke atas aplikasi
- C ☐ Memudahkan proses nyahpepijat
- D ☐ Capaian data lebih cekap

9. Berikut merupakan sebuah atur cara yang mempunyai ralat. Apakah kod arahan yang tertinggal?

```
def cmax (a, b):
    if a > b:
        print(a, "adalah maksimum")
    elif a == b
        print(a, "sama dengan", b)
    else:
        print(b, "adalah maksimum")
cmax(8,9)
```

- A ☐ Tertinggal tanda : pada kata kunci elif
- B ☐ Kedudukan inden tidak selari
- C ☐ Paparan output tidak tepat
- D ☐ Memasukkan nilai bukan angka pada cmax semasa mentakrif function

10. Antara berikut, yang manakah benar mengenai parameter?

- A ☐ Mentakrif procedure
- B ☐ Arahan melaksanakan tugas
- C ☐ Pemboleh ubah menerima nilai yang dihantar kepada function semasa dipanggil
- D ☐ Memulangkan nilai output